

# **Aspek Nahu Dalam Penterjemahan Bahasa Jepun-Bahasa Melayu: Ayat**

## **Kewujudan Dan Pengguguran *Pro***

Hiroki Nomoto

### **Abstrak**

Bab ini membincangkan dua gejala nahu yang walaupun wujud dalam kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Jepun, butir-butirnya adalah berbeza. (i) Ayat kewujudan dalam kedua-dua bahasa menggunakan kata kerja yang sama dan mempunyai tiga fungsi, iaitu entiti, kewujudan dan tempat. Namun, bahasa Melayu dan bahasa Jepun membezakan tiga fungsi berkenaan dengan cara yang berlainan. Ketiga-tiga fungsi tersebut juga kerap dikelirukan. (ii) Kedua-dua bahasa membenarkan pengguguran *pro* tetapi pengguguran *pro* dalam bahasa Melayu adalah lebih terhad berbanding dengan bahasa Jepun dari segi jenis argumen dan laras bahasa. Oleh itu, penterjemah perlu memahami rujukan *pro* dalam ayat bahasa Jepun dan menambah ungkapan bahasa Melayu yang sesuai.

Kata kunci: bahasa Jepun, bahasa Melayu, ayat kewujudan, *ada*, *aru*, *iru*, topik, urutan kata, pengguguran *pro*, korpus

### **Pendahuluan**

Nahu dan lexis merupakan dua aspek yang menjadi tonggak bagi kebolehan berbahasa seseorang manusia. Penulis pernah mendengar sesetengah penutur jati bahasa Melayu, termasuklah guru bahasa Melayu, mengatakan bahawa bahasa Melayu sangat mudah, tidak

mempunyai tatabahasa, serta tidak perlu mengendahkan susunan kata asalkan pilihan perkataan sesuai dengan makna yang ingin disampaikan. Sudah tentu pernyataan tersebut tidak benar kerana bahasa Melayu mempunyai tatabahasa yang tersendiri seperti juga bahasa-bahasa manusia di dunia yang lain. Bahkan, tidak ada bahasa manusia yang tidak memiliki tatabahasa.

Apabila kita membuat perbandingan tatabahasa antara dua bahasa, kita boleh mengetahui persamaan dan perbezaan yang wujud. Perkara yang menarik dan ingin penulis bincangkan dalam bab ini ialah perbezaan halus yang terkandung dalam aspek persamaan. Sehubungan itu, penulis akan membincangkan dua gejala nahu dalam bahasa Jepun<sup>1</sup> dan bahasa Melayu, iaitu ayat kewujudan dan pengguguran *pro*. Meskipun gejala nahu berkenaan wujud dalam kedua-dua bahasa, terdapat perbezaan penting dalam perinciannya. Perbezaan tersebut kadangkala tidak disedari dan boleh membawa kepada penterjemahan yang salah atau kurang tepat.

---

<sup>1</sup> Sejarah penterjemahan di Jepun bermula daripada penterjemahan bahasa Cina-bahasa Jepun pada abad ketiga. Penterjemahan pada waktu itu dilakukan melalui mencipta kaedah untuk membaca teks bahasa sumber dengan diakritik bacaan. Jenis penterjemahan moden yang menghasilkan teks baru dalam bahasa sasaran mula dilakukan secara aktif pada abad ke-18, mula-mula dari bahasa Belanda dan kemudian bahasa Inggeris, Perancis dan Jerman, untuk memperoleh ilmu pengetahuan canggih di Barat. Banyak istilah baru dicipta melalui penterjemahan pada zaman tersebut. Antaranya ada juga yang dipinjam oleh bahasa Cina seperti 社会 *shakai* 'masyarakat', 法律 *hooritsu* 'undang-undang' dan 科学 *kagaku* 'sains'.

## Nahu bahasa Jepun sepintas lalu

Dalam bahagian ini, ciri-ciri asas nahu bahasa Jepun akan diperkenalkan secara ringkas agar contoh-contoh berkenaan gejala nahu yang akan dibincangkan kelak boleh difahami dengan lebih mudah. Dari segi tipologi urutan kata, bahasa Jepun adalah bahasa SOV (subjek-objek-kata kerja), yang merupakan urutan kata paling popular antara bahasa-bahasa di dunia. Misalnya, *saya makan nasi* akan menjadi “saya nasi makan” dalam bahasa Jepun. Kata sendi nama dalam bahasa Jepun pula adalah kata sendi nama belakang (*postposition*), tidak seperti bahasa Melayu yang menggunakan kata sendi nama depan (*preposition*). Maka, *dari sini* akan menjadi “sini dari” dalam bahasa Jepun. Dari segi tipologi morfologi, kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Jepun tergolong dalam kumpulan bahasa aglutinatif, iaitu bahasa yang banyak menggunakan imbuhan untuk tujuan nahu. Sebagai contoh, kata kerja bahasa Jepun dalam (1) mengandungi tiga akhiran, iaitu akhiran kebolehan *-rare*, akhiran nafi *-nakat* (< *-nai*) dan akhiran masa lampau *-ta*.

(1) 食べられなかった

tabe-rare-nakat-ta

makan-dapat-tidak-PST

‘tidak dapat makan’

[PST: past]

Seterusnya, frasa nama bahasa Jepun pula boleh diikuti dengan penanda kasus.

- (2) ご飯が      ご飯を      ご飯の      ご飯に  
 gohan-ga    gohan-o      gohan-no    gohan-ni  
 nasi-NOM    nasi-ACC      nasi-GEN    nasi-DAT

[NOM: nominative; ACC: accusative; GEN: genitive; DAT: dative]

Sama seperti bahasa Melayu, bahasa Jepun juga tidak mempunyai artikel pasti dan tak pasti seperti *the* dan *a* dalam bahasa Inggeris. Maka, berdasarkan ciri ini, kita boleh membina ayat ‘kucing tidak dapat makan nasi’ dalam bahasa Jepun.

- (3) 猫がご飯を食べられなかった。  
 Neko-ga      gohan-o      tabe-rare-nakat-ta.  
 kucing-NOM   nasi-ACC      makan-dapat-tidak-PST  
 ‘Kucing tidak dapat makan nasi.’

Di samping itu, terdapat satu unsur nahu yang penting dalam bahasa Jepun, iaitu penanda topik *wa*. Topik adalah konsep struktur maklumat dan boleh ditakrifkan sebagai unsur yang menyatakan pokok perbincangan sesuatu ayat. Jenis topik yang ditakrifkan sedemikian dikenali sebagai topik ayat dan harus dibezakan daripada konsep serupa yang dikenali sebagai topik wacana pada tahap wacana. Bahasa Melayu mempunyai satu binaan yang menunjukkan peranan topik dengan jelas. Perhatikan contoh ayat dalam (4).

- (4) a.      *Baju ini harganya* berapa?  
 b.      *Rahimah itu* ceria orangnya.

Kedua-dua ayat di atas adalah masing-masing mengenai baju dan Rahimah. Dalam erti kata lain, frasa nama *baju ini* dan *Rahimah itu* adalah topik ayat. Bahagian yang selebihnya memperihalkan tentang frasa topik tersebut dan ia dikenali sebagai komen. Bahagian komen ini berbentuk ayat sempurna yang terdiri daripada subjek dan predikat. Dalam binaan topik-komen bahasa Melayu seperti ayat-ayat dalam (4), subjek dalam komen biasanya ditandai dengan kata ganti nama klitik *-nya*, tetapi topik hadir tanpa apa-apa penanda khas. Bahasa Jepun pula menanda topik dengan partikel *wa*.

- (5) a. 今日は天気がいい。  
*Kyoo-wa tenki-ga ii.*  
hari.ini-TOP cuaca-NOM baik  
‘Hari ini cuacanya baik.’
- b. 明日はお父さんがご飯を作る。  
*Ashita-wa otoosan-ga gohan-o tsukuru.*  
esok-TOP ayah-NOM nasi-ACC memasak  
‘Esok ayah yang memasak nasi.’

[TOP: topik]

Dalam ayat (5a), penutur mengulas mengenai hari ini dengan mengatakan bahawa cuaca pada hari tersebut adalah baik. Dalam ayat (5b) pula, penutur mengulas mengenai hari esok dengan mengatakan bahawa pada hari tersebut ayah yang memasak nasi. Pada dasarnya, setiap ayat

mempunyai sekurang-kurangnya satu topik. Apabila frasa nama dengan penanda kasus *ga* (nominatif) dan *o* (akusatif) dipilih sebagai topik, penanda kasus tersebut akan gugur. Dalam (7) diperturunkan ayat-ayat bertopik yang dibina berdasarkan ayat neutral tanpa topik dalam (6).

(6) 金曜日に兄がモスクでお祈りをした。

Kinyoobi-ni      ani-ga      mosuku-de      oinori-o      shi-ta.

hari.Jumaat-pada    abang-NOM    masjid-di      solat-ACC    buat-PST

‘Abang bersolat di masjid pada hari Jumaat.’

(7) a.      兄は金曜日にモスクでお祈りをした。

*Ani-wa*      kinyoobi-ni      mosuku-de    oinori-o      shi-ta.

abang-TOP    hari.Jumaat-pada    masjid-di      solat-ACC    buat-PST

‘Berhubung abang, dia bersolat di masjid pada hari Jumaat.’

b.      お祈りは金曜日に兄がモスクでした。

*Oinori-wa*    kinyoobi-ni      ani-ga      mosuku-de    shi-ta.

solat-TOP    hari.Jumaat-pada    abang-NOM    masjid-di      buat-PST

‘Berhubung solat, abang melakukannya di masjid pada hari Jumaat.’

c.      金曜日には兄がモスクでお祈りをした。

*Kinyoobi-ni-wa*      ani-ga      mosuku-de    oinori-o      shi-ta.

hari.Jumaat-pada-TOP    abang-NOM    masjid-di      solat-ACC    buat-PST

‘Berhubung hari Jumaat, abang bersolat di masjid pada hari itu.’

d. モスクでは金曜日に兄がお祈りをした。

*Mosuku-de-wa* kinyoobi-ni ani-ga oinori-o shi-ta.

masjid-di-TOP hari.Jumaat-pada abang-NOM solat-ACC buat-PST

‘Berhubung masjid, abang bersolat di situ pada hari Jumaat.’

Berdasarkan contoh-contoh ini, jelaslah bahawa topik merupakan suatu unsur yang sangat penting dalam bahasa Jepun.

### **Ayat kewujudan**

Kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Jepun memiliki ayat kewujudan dan terdapat kata kerja tertentu yang digunakan dalam ayat sedemikian, iaitu kata kerja *ada* dalam bahasa Melayu serta kata kerja *iru* dan *aru* dalam bahasa Jepun. Penggunaan dua kata kerja bahasa Jepun tersebut dibezakan berdasarkan benda hidup atau tak hidup. Pada dasarnya, *iru* digunakan apabila subjek merujuk kepada entiti hidup seperti manusia dan haiwan. Kata kerja *aru* pula digunakan apabila subjek merujuk kepada entiti tak hidup seperti buku dan bahasa.

Satu kesalahan yang sering berlaku dalam penterjemahan bahasa Jepun ke dalam bahasa Melayu adalah berkaitan dengan urutan kata. Ayat bahasa Jepun dalam (8) adalah salah satu soalan penterjemahan Jepun-Melayu yang digunakan dalam kelas bahasa Melayu penulis.

(8) 愛知県にはトヨタ自動車の本社があります。

Aichiken-ni-wa Toyota Jidoosha-no honsya-ga ari-masu.

negeri.Aichi-di-TOP Toyota kereta-GEN ibu.pejabat-NOM ada-POL

‘Di Aichi ada ibu pejabat Toyota Motors.’

[POL: polite]

Ramai pelajar yang baru mempelajari ayat kewujudan bahasa Melayu menterjemahkan ayat ini seperti berikut:

- (9)
- a. Di Aichi ibu pejabat Toyota Motors ada.
  - b. Ibu pejabat Toyota Motors ada di Aichi.

Kedua-dua ayat dalam (9) gramatis tetapi gagal menyampaikan makna yang dibawa oleh ayat asal bahasa Jepun dalam (8). Ayat (8) menjawab soalan “Apakah yang ada di Aichi?” Dalam erti kata lain, ayat tersebut adalah mengenai benda yang ada di Aichi dan menanyakan identiti benda tersebut. Terjemahan bahasa Melayu yang ditunjukkan dalam (8) sememangnya sesuai untuk makna sedemikian, manakala dua jenis terjemahan dalam (9) pula tidak sesuai. Ayat bahasa Melayu (9a) menyatakan sama ada ibu pejabat Toyota Morters “ada” atau “tidak ada” di Aichi. Ayat tersebut menjawab soalan seperti “Adakah di Aichi terdapat ibu pejabat Toyota Morters atau sebaliknya?” Ayat bahasa Melayu (9b) pula menjelaskan lokasi ibu pejabat Toyota Motors dan menjawab soalan seperti “Di manakah ibu pejabat Toyota Motors (ada)?”

Kesalahan terjemahan yang dibincangkan di atas berlaku kerana pelajar masih belum memahami atau menguasai hubungan antara tatabahasa dengan struktur maklumat. Daripada perbincangan di atas, didapati bahawa terdapat tiga jenis ayat kewujudan yang membawa



makna berlainan. Jenis pertama ialah ayat kewujudan yang menyatakan entiti yang wujud di sesuatu tempat. Dalam bahasa Melayu, jenis ayat ini diungkapkan dengan urutan kata “Tempat *ada* Entiti” atau “*ada* Entiti Tempat.” Dalam bahasa Jepun pula, jenis ini boleh dicirikan oleh penanda kasus nominatif *ga* pada frasa nama entiti. Frasa nama tempat boleh dijadikan topik dengan menggunakan penanda topik *wa* seperti dalam ayat (8) di atas.

Jenis kedua ialah ayat kewujudan yang menjelaskan ada atau tidaknya sesuatu entiti. Ayat (9a) adalah contoh jenis ini. Selain itu, makna yang sama boleh disampaikan melalui nada bacaan dengan menekankan perkataan *ada* dalam pola ketiga yang dibincangkan di bawah: *Ibu pejabat Toyota Motors ADA di Aichi*. Bahasa Jepun juga menggunakan nada tekanan untuk jenis kedua ini. Selain nada tekanan pada kata kerja *aru*, frasa nama entiti perlu dijadikan topik kedua. Perhatikan dalam ayat (10) di bawah ini terdapat dua frasa nama topik yang ditandai dengan *wa*.

(10) 愛知県にはトヨタ自動車の本社はあります。

Aichiken-ni-wa      Toyota Jidoosha-no    honsya-wa      ari-masu.

negeri.Aichi-di-TOP    Toyota kereta-GEN    ibu.pejabat-TOP    ada-POL

‘Di Aichi ibu pejabat Toyota Motors ADA.’

Frasa nama *Toyota Jidoosha-no honsya* ‘ibu pejabat Toyota Motors’ layak dijadikan topik kerana ayat (10) mengandaikan soalan seperti “Adakah di Aichi ibu pejabat Toyota Motors ada atau sebaliknya?” Ia juga boleh digunakan untuk menyangkal dakwaan salah “Di Aichi tidak

ada ibu pejabat Toyota Motors.” Kedua-dua konteks tersebut mencetuskan perbualan seterusnya mengenai ibu pejabat Toyota Motors. Hal ini bermaksud bahawa ibu pejabat Toyota Motors telah menjadi topik.

Jenis ayat kewujudan yang ketiga ialah ayat kewujudan yang menjelaskan tempat sesuatu entiti dan entiti tersebut hadir sebagai topik ayat. Dalam bahasa Melayu, ayat kewujudan jenis ini diungkapkan dengan urutan kata “Entiti *ada* Tempat” seperti ayat (9b) di atas. Dalam bahasa Jepun pula, frasa nama yang merujuk kepada entiti ditandai dengan penanda topik *wa*, dan bukannya penanda kasus nominatif *ga*, manakala frasa kata sendi nama yang merujuk kepada tempat muncul tanpa *wa*. Oleh sebab topik muncul di pangkal ayat, urutan kata juga berubah menjadi “Entiti Tempat *aru*.” Bandingkan ayat (11) di bawah dengan ayat (8) tadi.

(11) トヨタ自動車の本社は愛知県にあります。

Toyota Jidoosha-no honsya-wa Aichiken-ni ari-masu.

Toyota kereta-GEN ibu.pejabat-TOP negeri.Aichi-di ada-POL

‘Ibu pejabat Toyota Motors ada di Aichi.’

Pola ketiga-tiga jenis ayat kewujudan yang dibincangkan di atas dirumuskan dalam Jadual 1 di akhir bab ini. Dalam penterjemahan bahasa Jepun ke dalam bahasa Melayu atau sebaliknya, kita perlu memberi perhatian kepada jenis ayat kewujudan. Ayat kewujudan dalam bahasa sumber mestilah diterjemahkan ke dalam bahasa sasaran dengan menggunakan pola

bagi jenis yang sama.

### **Pengguguran *pro***

Gejala nahu kedua yang ingin penulis bincangkan dikenali sebagai pengguguran *pro* (*pro drop*).

Pengguguran *pro* merujuk kepada fenomena di mana frasa nama yang diperlukan untuk pentafsiran makna ayat tidak muncul secara nyata. Gejala ini sangat lazim dalam kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Jepun. Kebanyakan kes pengguguran *pro* dalam bahasa Melayu berlaku dalam bahasa lisan seperti contoh-contoh dalam (12).

- (12)
- a. Dah makan?
  - b. Tak taulah.
  - c. Dah jatuh kenapa tak kutip balik?<sup>4</sup>
  - d. Bila jumpa, dia cakap dah penat.<sup>5</sup>

(13) menandakan tempat pengguguran dalam ayat-ayat di atas dengan *pro*. *Pro* merupakan kata ganti nama tak nyata dan boleh diganti dengan kata ganti nama nyata seperti *aku*, *engkau*

---

4 <http://aciklananovel.blogspot.com/2011/04/bab-22-kalau-memang-harus-begitu.html>. Ayat ini diambil dari subkorpus ZSM MXD2012 Koleksi Korpus Leipzig (Goldhahn dkk. 2012; LCC) menggunakan MALINDO Conc (Nomoto dkk. 2018).

5 [http://4ayasha.blogspot.com/2008\\_06\\_01\\_archive.html](http://4ayasha.blogspot.com/2008_06_01_archive.html). ZSM MXD2012, LCC.

dan *dia*.

- (13) a. *pro* Dah makan?  
b. *pro* Tak taulah.  
c. *pro*<sub>1</sub> Dah jatuh kenapa *pro*<sub>2</sub> tak kutip *pro*<sub>1</sub> balik?  
d. Bila *pro*<sub>1</sub> jumpa *pro*<sub>2</sub>, *dia*<sub>2</sub> cakap *pro*<sub>2</sub> dah penat.

Sebagai perbandingan, pengguguran *pro* tidak dibenarkan dalam bahasa Inggeris.<sup>6</sup>

- (14) a. \*Did eat yet? (cf. Did *you* eat yet?)  
b. \*Don't know. (cf. *I* don't know.)  
c. \*If fell, why didn't pick up? (cf. If *it* fell, why didn't *you* pick *it* up?)  
d. \*When saw, s/he said already tired.  
(cf. When *I* saw *him/her*, s/he said s/he was already tired.)

Pengguguran *pro* dalam laras formal turut wujud, tetapi lebih terhad. Konteks yang selalunya berlaku pengguguran *pro* termasuk dalam klausa adverbial.

- (15) a. Tumpuanku<sub>1</sub> terganggu apabila *pro*<sub>1</sub> terdengar jeritan seorang kanak-kanak.<sup>7</sup>  
b. Jika *pro*<sub>1</sub> dinilai dari segi zahirnya, sijil<sub>1</sub> adalah sekeping kertas yang tidak

---

<sup>6</sup> Kecuali sebagai pelaku ayat pasif dan ayat perintah.

<sup>7</sup> <http://adahhamidah.blogspot.com/2011/03/empat-belas-permandangan-indah-taman.html>.

berharga [...]⁸

Bahasa Jepun juga membenarkan pengguguran *pro*. Dalam (16) diperturunkan terjemahan bagi ayat-ayat bahasa Melayu dalam (12).

(16) a. もう食べた？

*pro*<sub>1</sub> Moo *pro*<sub>2</sub> tabe-ta?

sudah makan-PST

‘Dah makan?’

b. 知らないよ。

*pro* Shira-nai yo.

tahu-tidak lah

‘Tak taulah.’

c. 落ちたのに、何で拾わないの？

*pro*<sub>1</sub> Ochi-ta noni, nande *pro*<sub>2</sub> *pro*<sub>1</sub> hirowa-nai no?

jatuh-PST walaupun kenapa kutip-tidak ke

‘Dah jatuh kenapa tak kutip balik?’

d. 会った時、もう疲れたって言った。

*pro*<sub>1</sub> *pro*<sub>2</sub> At-ta toki, *pro*<sub>2</sub> *pro*<sub>2</sub> moo tsukare-ta tte

---

8 <http://076115islam.blogspot.com/>. ZSM WEB2012, LCC.

jumpa-PST masa sudah letih-PST yang  
it-te-ta.

cakap-tengah-PST

‘Bila jumpa, dia cakap dah penat.’

Contoh-contoh dalam (16) tidak mengandungi penanda kasus kerana penanda kasus *ga* (nominatif) dan *o* (akusatif) biasanya tidak digunakan dalam bahasa lisan. Terdapat dua *pro* dalam (16b) kerana kata kerja *taberu* ‘makan’ dalam bahasa Jepun adalah kata kerja transitif, tidak seperti kata kerja *makan* dalam bahasa Melayu yang mempunyai penggunaan transitif dan juga tak transitif.

Sebenarnya, ayat bahasa Jepun dalam (16d) bukanlah terjemahan langsung bagi ayat bahasa Melayu (12d). Perbezaannya ialah bahasa Jepun menggunakan *pro* di tempat yang dalam ayat bahasa Melayunya menggunakan kata ganti nama *dia*. Hal ini kerana ayat tersebut akan menjadi sedikit kaku sekiranya subjek bagi *itteta* ‘telah cakap’ diungkapkan secara nyata menggunakan kata ganti nama diri ketiga, iaitu *kare* ‘dia (lelaki)’ atau *kanojo* ‘dia (perempuan)’.

(17) 会った時、彼／彼女はもう疲れたって言った。

*pro*<sub>1</sub> *pro*<sub>2</sub> At-ta toki, *kare/kanojo-wa*<sub>2</sub> *pro*<sub>2</sub> moo tsukare-ta tte

jumpa-PST masa dia-TOP sudah letih-PST yang

it-te-ta.

cakap-tengah-PST

‘Bila jumpa, dia cakap dah penat.’

Perbezaan seperti ini bersifat halus dan mudah diabaikan dalam penterjemahan. Maka, harus diingat bahawa walaupun kedua-dua bahasa Melayu dan bahasa Jepun menggunakan *pro*, cara penggunaannya tidak sama.

Perbezaan dari segi kekerapan pengguguran *pro* lebih ketara dalam laras formal. Seperti yang sudah kita lihat di atas, pengguguran *pro* dalam laras formal bahasa Melayu agak terhad. Sebaliknya, pengguguran *pro* dalam bahasa Jepun pula sangat biasa termasuklah dalam laras formal.

(18) adalah petikan daripada buku teks kursus TV untuk pelajar sekolah tinggi.<sup>11</sup>

Perkataan dalam terjemahan bahasa Melayu yang berpadanan dengan *pro* dalam bahasa Jepun dicondongkan. Perhatikan bahawa padanan-padanan dalam bahasa Melayu tersebut sukar digugurkan jika laras formal hendak dikekalkan. Hal ini menunjukkan perbezaan besar antara kedua-dua bahasa dari segi kebiasaan pengguguran *pro* dalam laras formal.

(18) 説明文、論説文という言葉を知くと、何やら難しそうな感じを受けてしまいます。しかし、冷静になって身のまわりの文章を読んてみると、説明文や論説文は身の回りに多くあることが分かります。

*pro*<sub>1</sub> Setsumeibun,      ronsetsubun      toiu      kotoba-o

---

<sup>11</sup> [https://www.nhk.or.jp/kokokoza/tv/basickokugo/archive/basic\\_kokugo\\_39.pdf](https://www.nhk.or.jp/kokokoza/tv/basickokugo/archive/basic_kokugo_39.pdf)

teks.penerangan teks.perbincangan berbunyi perkataan-ACC

kiku-to, *pro*<sub>1</sub> *pro*<sub>2</sub> naniyara muzukashi-soona kanji-o

dengar-apabila agak sukar-seperti rasa-ACC

ukete-shimai-masu. Shikashi, *pro*<sub>1</sub> reiseini nat-te mi-no mawari-no

terima-ter-POL namun tenang menjadi-dan diri-GEN sekitar-GEN

bunshoo-o yon-de miru-to, *pro*<sub>1</sub> setsumeibun ya

teks-ACC membaca-dan cuba-dan teks.penerangan dan

ronsetsubun-wa mi-no mawari-ni ooku aru koto-ga

teks.perbincangan-TOP diri-GEN sekitar-di banyak ada hal-NOM

wakari-masu.

mendapati-POL

‘Apabila *kita*<sub>1</sub> mendengar perkataan seperti teks penerangan dan teks perbincangan, *kita*<sub>1</sub> akan bertanggapan seolah-olah *ia*<sub>2</sub> [= teks penerangan dan teks perbincangan] agak sukar. Namun, sebaik sahaja *kita*<sub>1</sub> menjadi tenang dan cuba membaca teks-teks di sekeliling kita, *kita*<sub>1</sub> akan mendapati bahawa teks penerangan dan teks perbincangan itu sebenarnya ada banyak di sekeliling kita.’

Pengguguran *pro* dalam contoh (18) melibatkan subjek. Contoh (19) pula menunjukkan bahawa pengguguran *pro* juga boleh berlaku dengan objek. Petikan ini diambil daripada kad pemberitahuan mengenai kempen pencegahan pembaziran makanan yang penulis



temui di restoran Otoyō (Mac 2021). *Pro*<sub>1</sub> dan *pro*<sub>2</sub> adalah subjek manakala *pro*<sub>3</sub> adalah objek.

(19) お食事が終わりましたら、スタッフに声をおかけください。完食カードをお渡しいたしますので、レジにてご提示ください。

O-shokuji-ga owari-mashi-ta ra, *pro*<sub>1</sub> sutahhu-ni koe-o

POL-makan-NOM selesai-POL-PST jika staf-kepada suara-ACC

o-kake-kudasai. *pro*<sub>2</sub> Kanshokukaado-o o-watashi-itashimasu node,

POL-memanggil-minta kad.habis.makan-ACC POL-memberi-POL kerana

*pro*<sub>1</sub> reji-nite *pro*<sub>3</sub> go-teiji-kudasai.

kaunter.pembayaran-di POL-menunjukkan-minta

‘Sila panggil staf apabila *anda*<sub>1</sub> selesai makan. *Kami*<sub>2</sub> akan memberikan kad pengesahan habis makan, jadi sila tunjukkan*nya*<sub>3</sub> [= kad tersebut] di kaunter pembayaran.’

Memandangkan terdapat perbezaan seperti ini, dalam amalan penterjemahan kita perlu memberi perhatian kepada jenis kata ganti nama yang digunakan, iaitu kata ganti nama nyata atau kata ganti nama tak nyata *pro*. Dalam penterjemahan dari bahasa Melayu ke dalam bahasa Jepun terutamanya, kita perlu berhati-hati supaya tidak menggunakan terlalu banyak kata ganti nama nyata dalam laras formal. Sebaliknya, apabila bahasa Jepun diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu pula, kita perlu menambah kata ganti nama nyata atau frasa nama yang tidak diungkapkan secara nyata dalam bahasa Jepun.

Terdapat dua perkara yang penting dalam pengguguran dan penambahan kata ganti nama. Pertama, unsur yang ditambah mestilah tepat, iaitu rujukannya harus sama dengan yang dimaksudkan dalam bahasa sumber. Untuk tujuan itu, penterjemah boleh merujuk kepada konteks wacana dan juga ayat. Berbalik kepada contoh (19) di atas, kita boleh mengetahui rujukan bagi *pro*<sub>3</sub> dalam ayat kedua berdasarkan konteks wacana, iaitu kad pengesahan habis makan yang disebut dalam klausa pertama dalam ayat sama. Oleh itu, *pro*<sub>3</sub> tersebut boleh diterjemahkan sebagai kata ganti nama diri ketiga atau dengan mengulang frasa nama dalam ayat pertama, dan bukannya *anda* atau *kami*. Rujukan bagi *pro*<sub>1</sub> pula boleh diketahui berdasarkan jenis ayat, iaitu ayat perintah. Ayat perintah mengambil subjek diri kedua. Seterusnya, rujukan bagi *pro*<sub>2</sub> boleh diketahui berdasarkan nahu, iaitu bentuk kata kerja *o-watashi-itashimasu* [POL -memberi-POL]. Oleh sebab bentuk *o-...-itashi(masu)* digunakan untuk merendahkan diri subjek (*kenjookei* 'bentuk rendah diri'), bolehlah kita fahami bahawa subjek ayat ini adalah pihak restoran. Maka, kata ganti nama yang sesuai dalam terjemahan bahasa Melayu ialah *kami*. Ayat tersebut boleh juga diterjemahkan sebagai ayat pasif untuk mengelakkan penggunaan *kami*: *Kad pengesahan habis makan akan diberikan.*

Kedua, pengguguran atau penambahan perlu dilakukan dengan kadar yang sesuai. Seperti yang dinyatakan di atas, pengguguran *pro* turut berlaku dalam laras formal bahasa Melayu meskipun tidak sekerap dalam bahasa Jepun. Oleh itu, tidak sesuai jika semua *pro* dalam bahasa Jepun ditukar kepada kata ganti nama nyata dalam terjemahan bahasa Melayu.

Sebaik-baiknya, para penterjemah perlu mengetahui sedikit sebanyak mengenai konteks tatabahasa yang membenarkan pengguguran *pro* dalam bahasa Melayu. Namun begitu, sepengetahuan penulis, masih belum ada pemerian linguistik mengenai pengguguran *pro* dalam bahasa Melayu yang lebih terperinci daripada sekadar kenyataan ringkas seperti “Tak perlu sebut bila jelas.” Sebagai contoh, kata ganti nama enklitik *-nya* dalam terjemahan bahasa Melayu dalam contoh (19) mungkin boleh digugurkan walaupun dalam laras formal. Kemungkinan, hal ini berkaitan dengan kenyataan bahawa ia muncul dalam ayat perintah. Akan tetapi, penulis tidak pernah melihat pemerian demikian dalam mana-mana tulisan linguistik Melayu. Begitu juga sebaliknya, apabila bahasa Melayu diterjemahkan ke dalam bahasa Jepun, penterjemah harus memikirkan sama ada sesuatu kata ganti nama wajar diterjemahkan sebagai kata ganti nama nyata atau sebagai *pro*. Pemilihan ini bergantung kepada beberapa faktor, termasuklah laras (formal atau tak formal) dan domain teks. Teks formal yang bersifat teknikal seperti terma dan syarat untuk sesuatu produk cenderung untuk menggunakan kata ganti nama nyata. Walaupun jumlah *pro* tidak mencukupi, yakni kata ganti nama nyata digunakan walhal *pro* sebenarnya lebih sesuai, sesuatu ayat terjemahan itu masih lagi gramatis. Akan tetapi, terjemahan tersebut akan kedengaran kaku. Hal ini boleh dikenal pasti melalui terjemahan semula (*back translation*) daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris dan sekali lagi ke dalam bahasa Melayu.

(20) Bila *pro* jumpa *pro*, dia cakap *pro* dah penat. (= 12d)

↓ (terjemahan)

When *I* saw *him/her*, *s/he* said *s/he* was already tired.

↓ (terjemahan semula)

Bila *aku* jumpa *dia*, *dia* cakap *dia* dah penat.

Walaupun hasil terjemahan semula ini mungkin masih boleh diterima, kesan yang kita dapati tidak sama dengan ayat asal.

Sehubungan itu, penulis ingin menegaskan bahayanya terjemahan melalui bahasa Inggeris sebagai bahasa pivot atau bahasa pengantara. Penterjemahan melalui bahasa Inggeris boleh menghasilkan terlalu banyak kata ganti nama nyata daripada yang sepatutnya. Hasil terjemahan ke dalam bahasa Jepun melalui bahasa Inggeris dalam (21) benar-benar kaku dan tidak boleh diterima sama sekali. Bandingkan ayat tersebut dengan ayat bahasa Jepun yang biasa dalam (16d), iaitu terjemahan (hampir) langsung terus daripada bahasa Melayu.

(21) Bila *pro* jumpa *pro*, *dia* cakap *pro* dah penat. (= 12d)

↓ (terjemahan)

When *I* saw *him/her*, *s/he* said *s/he* was already tired.

↓ (terjemahan)

私が彼／彼女に会った時、彼／彼女は彼／彼女はもう疲れたって言った。

*Watashi-ga kare/kanojo-ni at-ta toki, kare/kanojo-wa kare/kanojo-wa*

saya-NOM dia-DAT jumpa-PST masa dia-TOP dia-TOP

moo tsukare-ta tte it-te-ta.

sudah letih-PST yang cakap-tengah-PST

(16d) 会った時、もう疲れたって言ってた。

*pro*<sub>1</sub> *pro*<sub>2</sub> At-ta toki, *pro*<sub>2</sub> *pro*<sub>2</sub> moo tsukare-ta tte

jumpa-PST masa sudah letih-PST yang

it-te-ta.

cakap-tengah-PST

## Penutup

Dalam bab ini, dua gejala nahu, iaitu ayat kewujudan dan pengguguran *pro* telah dibincangkan, termasuklah isu-isu yang timbul berkenaan kedua-dua gejala berkenaan dalam penterjemahan daripada bahasa Jepun ke dalam bahasa Melayu atau sebaliknya. Meskipun kedua-dua gejala tersebut wujud dalam kedua-dua bahasa, jika diteliti secara lebih mendalam, terdapat beberapa perbezaan penting yang boleh mempengaruhi mutu hasil penterjemahan. Dalam Jadual 1 dirumuskan pola ketiga-tiga jenis ayat kewujudan dalam bahasa Melayu dan bahasa Jepun.

**Jadual 1. Pola jenis ayat kewujudan dalam bahasa Melayu dan bahasa Jepun**

Jenis	Bahasa Melayu	Bahasa Jepun
Entiti (Ada apa?)	Urutan kata - Tempat <i>ada</i> Entiti - <i>ada</i> Entiti Tempat	Topik = Tempat (jika ada) - Tempat- <i>wa</i> Entiti- <i>ga aru</i>
Kewujudan (Ada atau tidak?)	Urutan kata + nada tekanan	Topik = Tempat, Entiti + nada

	- Tempat Entiti <i>ADA</i> - Entiti <i>ADA</i> Tempat	tekanan - Tempat- <i>wa</i> Entiti- <i>wa</i> <i>ARU</i> - Entiti- <i>wa</i> Tempat- <i>wa</i> <i>ARU</i>
Tempat (Ada di mana?)	Urutan kata - Entiti <i>ada</i> Tempat	Topik = Entiti - Entiti- <i>wa</i> Tempat <i>aru</i>

Pengguguran *pro* adalah jauh lebih kerap dalam laras formal bahasa Jepun berbanding dengan laras formal bahasa Melayu. Oleh yang demikian, adalah mustahak bagi penterjemah untuk memahami rujukan *pro* agar tidak berlaku kesalahan terjemahan walaupun perkara tersebut bukanlah sesuatu yang mudah dilakukan. Penulis telah menunjukkan bahawa maklumat nahu seperti bentuk kata kerja sangat berguna untuk mengatasi masalah berkenaan. Penulis juga telah memberi peringatan supaya penterjemahan Jepun-Melayu, dan bidang penterjemahan secara umumnya, tidak terlalu bergantung kepada bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantara.

Akhir sekali, penulis ingin mencadangkan dua jenis korpus yang akan memberi manfaat terhadap kajian asas dalam penterjemahan Jepun-Melayu. Jenis pertama ialah korpus selari (*parallel corpus*) berpasangan Jepun-Melayu. Pada zaman digital ini, korpus selari yang melibatkan bahasa Inggeris (cth. Inggeris-Melayu, Inggeris-Jepun, Inggeris-Cina) mudah untuk dibina dengan menggunakan teks selari yang sedia ada. Dalam bidang penterjemahan mesin, terjemahan ke dalam bahasa-bahasa kurang sumber (*low resource language*) seperti bahasa Melayu dilakukan dengan menggunakan bahasa Inggeris sebagai pivot (cf. Korpus Selari Treebank Bahasa Asia (ALT); Riza dkk. 2016) . Contohnya, penterjemahan Jepun-

Melayu dilakukan berdasarkan korpus Jepun-Inggeris dan korpus Inggeris-Melayu. Tidak dinafikan bahawa cara ini praktikal dan baik untuk menghasilkan terjemahan secara berkesan. Akan tetapi, kita juga harus disediakan dengan kaedah alternatif, iaitu penterjemahan tanpa pengantaraan bahasa Inggeris, kerana, seperti yang kita lihat dalam bab ini, pengantaraan bahasa Inggeris boleh menimbulkan masalah serius dalam kes-kes tertentu. Atas pertimbangan sedemikian, penulis bersama rakan-rakan penulis telah membina satu korpus selari yang kecil, iaitu Korpus Selari Bahasa Asia TUFS (TALPCo; Nomoto dkk. 2018). Tidak seperti korpus-korpus selari lain, bahasa pivot untuk TALPCo ialah bahasa Jepun, dan bukannya bahasa Inggeris.

Korpus jenis kedua yang ingin penulis cadangkan sebenarnya bukanlah korpus baru, tetapi anotasi *pro* kepada korpus yang sedia ada. Oleh sebab *pro* adalah unsur tak nyata, kita tidak dapat mencarinya dalam teks mentah. Jika kita ingin mencari *pro* untuk memahami perilakunya, kehadiran *pro* dalam sesuatu teks itu perlu ditandai secara manual. Sebagai contoh, korpus NPCMJ (*NINJAL Parsed Corpus of Modern Japanese*) yang dikembangkan oleh Institut Kajian Bahasa Jepun Kebangsaan, iaitu padanan Dewan Bahasa dan Pustaka di Jepun, mengandungi maklumat *pro* seperti mana yang ditunjukkan dalam (22).

(22) \*pro\* \*T\* \*pro\* すぐに相続できると知っているものを誰が盗もうか? とね。

(403\_aozora\_Doyle-1905)

\*pro\* \*T\* \*pro\* Suguni soozoku dekiru to shit-teiru mono-o

segera mewarisi boleh bahawa tahu-sedang benda-ACC

dare-ga nusum-oo ka? to ne.

siapa-NOM mencuri-hendak kah bahawa lah

“Siapa hendak mencuri benda yang sudah diketahui boleh diwarisinya tidak lama lagi?” katanya.’

Korpus NPCMJ mengandungi pelbagai anotasi sintaksis dan semantik lain, termasuklah \*T\* dalam contoh (22) di atas yang menunjukkan tikas yang diandaikan dalam klausa relatif. Pada waktu penulisan bab ini (Mac 2021), korpus beranotasi untuk bahasa Melayu masih belum wujud. Anotasi *pro* dalam korpus bahasa Melayu amat penting peranannya, khususnya untuk data bahasa lisan yang banyak melibatkan pengguguran *pro*.

## Rujukan

- Goldhahn, D., T. Eckart dan U. Quasthoff. (2012). Building large monolingual dictionaries at the Leipzig Corpora Collection: From 100 to 200 languages. *Proceedings of the Eighth International Conference on Language Resources and Evaluation (LREC '12)*, 759–765. Istanbul: European Language Resources Association. [http://www.lrec-conf.org/proceedings/lrec2012/pdf/327\\_Paper.pdf](http://www.lrec-conf.org/proceedings/lrec2012/pdf/327_Paper.pdf)
- Institut Kajian Bahasa Jepun Kebangsaan. (2016). *NINJAL Parsed Corpus of Modern Japanese*. (versi 1.0) <http://npcmj.ninjal.ac.jp/interfaces/> (diakses pada 22/3/2021)
- Nomoto, H., K. Okano, D. Moeljadi dan H. Sawada. (2018). TUFUS Asian Language Parallel



Corpus (TALPCo). *Proceedings of the Twenty-Fourth Annual Meeting of the Association for Natural Language Processing*, 436–439.

[http://www.anlp.jp/proceedings/annual\\_meeting/2018/pdf\\_dir/C3-5.pdf](http://www.anlp.jp/proceedings/annual_meeting/2018/pdf_dir/C3-5.pdf)

Nomoto, H., S. Akasegawa dan A. Shiohara. (2018). Building an open online concordancer for Malay/Indonesian. Kertas kerja yang dibentangkan di 22nd International Symposium on Malay/Indonesian Linguistics (ISMIL).

Riza, H., M. Purwoadi, Gunarso, T. Uliniansyah, Aw Ai Ti, Sharifah Mahani Aljunied, C. M.

Luong C. M., Vu T. T., Nguyen P. T., V. Chea, Rapid S., Sethserey S., Sopheap S., Khin

Mar Soe, Khin Thandar Nwet, M. Utiyama dan C. Ding. (2016). Introduction of the Asian

Language Treebank. In *Oriental COCOSDA*.

## **Biodata**

Hiroki Nomoto

Profesor Madya

Universiti Bahasa Asing Tokyo